

**KEMPEN HULURKAN SALAM
(KATEGORI REBAT RUNCIT)****SOALAN LAZIM****1. Apakah yang ditawarkan menerusi Kempen Hulurkan Salam (Kategori Rebat Runcit)?**

Kempen ini menawarkan rebat iaitu pulangan tunai sebanyak 3% bagi setiap transaksi pembelian runcit dan sebarang pembelian barangan lain (patuh Syariah) menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat yang dilakukan di mana-mana kedai runcit dan pasaraya seluruh negara.

2. Bilakah kempen ini akan berlangsung?

1. Kempen ini akan berlangsung dari **27 Mac sehingga 3 April 2025** atau **sehingga had RM50,000** habis digunakan (tertakluk pada mana-mana yang selesai dahulu).

3. Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (utama dan tambahan) termasuk warga kerja Bank Rakyat (selepas ini dirujuk sebagai Peserta) kecuali pemegang Kad Kredit-i Korporat.

4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

Penyertaan adalah secara automatik untuk semua pemegang kad yang layak tertakluk pada Terma dan Syarat kempen ini. Tiada prapendaftaran menerusi borang penyertaan atau khidmat pesanan ringkas (SMS) diperlukan.

5. Apakah jenis transaksi yang layak menyertai kempen in?

Transaksi yang layak menerima pulangan tunai ini adalah daripada kategori kod *merchant* (MCC) seperti berikut:

- a) 5411 – *Grocery Stores, Supermarkets*

6. Berapakah transaksi minimum yang diperlukan untuk layak menerima pulangan tunai?

Jumlah transaksi minimum diperlukan untuk layak menerima pulangan tunai ialah RM100.

7. Bagaimanakah pulangan tunai 3% ini diterima?

Pulangan tunai sebanyak 3% akan dikreditkan atas transaksi yang telah dibilkan sahaja. Amaun pulangan tunai akan dipaparkan pada penyata bulanan peserta.

8. Di manakah maklumat berkaitan jumlah pulangan tunai yang diperoleh untuk bulan semasa boleh didapati?

Keterangan bagi jumlah pulangan tunai yang diperoleh untuk bulan semasa boleh disemak menerusi penyata Kad Kredit-i pada bulan berikutnya.

9. Adakah terdapat had bagi pulangan tunai yang boleh diperoleh?

Tiada had ditetapkan bagi jumlah pulangan tunai yang boleh diperoleh setiap pemegang kad sepanjang tempoh kempen berlangsung.

10. Adakah pulangan tunai 3% ini boleh dipindah milik?

Pulangan tunai ini tidak boleh dipindah milik kepada akaun pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan.

11. Adakah pulangan tunai yang ditawarkan boleh ditukar kepada wang tunai atau barangan lain?

Tidak boleh.

12. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung kempen ini boleh didapati di:

- a) Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- b) Perbankan Internet Bank Rakyat di www.irakyat.com.my
- c) Pusat Panggilan: 1 300 80 5454
- d) Pusat Kad Bank Rakyat: 03-2693 6880
- e) Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook, Instagram atau X)

Soalan lazim kempen ini adalah tertakluk pada terma dan syarat kempen, terma dan syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.